



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 46

9 Mei 2002

No.10

---

---

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS  
ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

NO. 113

FATWA MENGENAI BUKU SOLAT AHLUL SUNNAH  
YANG TIDAK MENGIKUT AL-QURAN  
(JAWAPAN KEPADA GENG ANTI-ULAMAK)

FATWA ON THE BOOK “SOLAT AHLUL SUNNAH  
YANG TIDAK MENGIKUT AL-QURAN  
(JAWAPAN KEPADA GENG ANTI-ULAMAK)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993. Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of the powers conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti for the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

#### JADUAL/SCHEDULE

1. Bahawa isi kandungan Buku Solat Ahlul Sunnah Yang Tidak Mengikut Al-Quran (Jawapan Kepada Geng Anti-Ulamak) adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah serta menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan, perpaduan bangsa dan keamanaan Negara.
2. Isi kandungan buku ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang berdasarkan percanggahan dan penyelewengan yang terdapat di dalam buku tersebut khususnya dari sudut Akidah dan Syariah Islam.
3. Oleh itu, mana-mana orang Islam atau Kumpulan yang berpegang kepada isi kandungan buku tersebut adalah dilarang kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini meliputi:
  - a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam Buku Solat Ahlul Sunnah Yang Tidak Mengikut Al-Quran (Jawapan Kepada Geng Anti-Ulamak) atau;
  - b) Untuk menerbitkan apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran isi kandungan buku tersebut.

(1) بهوا ايسى کندوڠن بوکو صلاة أهل السنة يع تيدق معيکوت القرآن (جوافن کڻي انتي علماء) اداله برچگنه دان ميليوېغ درڦ فگاڱن أهل السنة والجماعة دان منجادي انچامن کڻد ڦرقادوان امة، کأونوهن، ڦرقادوان بعسا دان کامن نڪارا.

(2) ايسى کندوڠن بوکو اين ڦرلو دسکت کسلورو هن دري برکمبع دنگري ڦولاو ڦينچ بردارکن فرجچگهن دان ڦيليوېعن يع ترداقه ددالم بوکو ترسبوت خصوصن دري سودوت عقیده دان شريعة اسلام.

(3) أوليه ايت، مان-مان اورغ اسلام اتو کمقولن يع برچگنه کڻد ايسى کندوڠن بوکو ترسبوت اداله دلارغ کران اي برنتناڱن دغۇن فگاڱن أهل السنة والجماعة، لاراڱن اين ملېقوتي:

(١) أنتوق مثاجر، ممقلجارى، مفعمل肯 ، برقڭۇ كەد أتو مېپېرکن أجاران-أجاران دان فهامن-فهامن يغ ترکندۇڭ دىالىم بوكو صلاة أهل السنة يغ تىدق مغىكىوت القرآن (جوافن كەد كېيىغ انتى علماء) أتو؛

(٢) أنتوق مىربىت أق-أق بىنۋىق، ئېرسىي أتو ۋارىاسىش أتو أق-أق ترجماهەنچ دالىم أق-أق بەھاس أتو أق-أق باھن ۋېلىسىتىي أتو أتس أق-أق باھن، سىماؤدا باھن چېتىق أتو إيلېتەرنىق أتو سلائىنچ أتو ملالوى أق-أق مىدیا، أتو أق-أق قاعدة يغ بولىھەممباوا كەد ۋېپېرمان أجراي-أجراي ترسىبۈت.

Bertarikh 12 April 2002.

Dated 12 April 2002.

[PU/PP 3200 Jld.1.]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang